



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

CAHAYA DEEPAVALI RAIKAN KOMUNITI INDIA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 20 Oktober – Sinonim dengan perayaan ‘pesta cahaya’, deepavali yang disambut oleh komuniti India dan Sikh memberi cahaya keceriaan kepada komuniti India khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pihak kerajaan terus komited untuk memajukan pembangunan dan kesejahteraan kehidupan warga Wilayah Persekutuan termasuk komuniti India terutamanya di kalangan golongan miskin tegar dan miskin bandar.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan berkata adalah diharapkan supaya lebih banyak peluang dan geran perniagaan diberikan kepada belia India melalui Bajet 2018 yang akan dibentangkan YAB Perdana Menteri Najib Razak pada 27 Oktober ini.

Sejajar dengan inisiatif mensejahterakan rakyat, komuniti India di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan turut menyambut baik penggunaan kad ceria yang dapat membantu meringankan beban rakyat melalui diskaun/ potongan harga barang keperluan harian pengguna. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, jumlah bilangan penerima kad ceria semakin meningkat. Kini, seramai 36,283 (10%) komuniti India di Wilayah Persekutuan telah mendapat kad ceria tersebut. Jumlah ini sangat memberangsangkan dan diharapkan ia akan terus meningkat dalam usaha kerajaan membantu mengurangkan kos sara hidup warga kota.

Antara usaha terkini yang sedang digerakkan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan adalah program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan. Baru-baru ini sumbangan pemilikan rumah PPR dan PA DBKL telah diberikan kepada 10 orang komuniti India yang merupakan penyewa semasa di unit tersebut. Unit-unit kediaman tersebut dinaiktarafkan seperti sistem pendawaian elektrik, keseluruhan rumah dicat semula, kelengkapan barang elektrik, *laminated flooring* dan *interior*.

Melalui inisiatif-inisiatif tersebut, ianya bukan sahaja dapat merealisasikan semangat muhibah malah dapat menghidupkan suasana yang aman dan harmoni buat semua komuniti di Wilayah Persekutuan ini. Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turut mengagihkan sumbangan Deepavali berjumlah RM120,000.00 pada hari ini kepada warga kota yang berpendapatan rendah, kanak-kanak sekolah, dan juga kepada golongan gelandangan. Warga kota turut diraikan dengan persembahan kebudayaan serta pelbagai juadah sempena deepavali.

Sambutan rumah terbuka ini merupakan program tahunan KWP, DBKL, dan YWP bagi meraikan perayaan Deepavali seperti mana penganjuran tahunan hari rumah terbuka lain seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, dan Perayaan Hari Natal.

Disediakan oleh

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
20 Oktober 2017**